

'Perkasa agenda Membandarkan Luar Bandar'

BH
- 7/11/2021
w/b: 2

Kinabatangan: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu agenda 'Membandarkan Luar Bandar' diperkasakan dalam usaha memacu pembangunan, sekali gus membasmi kemiskinan di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Mahdzir Khalid agar agenda itu dapat dilaksanakan semula sebagai antara usaha untuk mengeluarkan kawasan luar bandar, terutama di Sabah daripada kepompong kemiskinan.

"Selain projek dirancang Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi meningkatkan ekonomi penduduk, usaha membawa infrastruktur mencukupi di luar bandar juga amat penting.

"Ketika saya menjadi menteri luar bandar, saya (mengetengahkan) konsep 'Membandarkan Luar Bandar' bermaksud jika kita majukan luar bandar dengan infrastruktur mencukupi termasuk jalan raya, bekalan air, elektrik dan telekomunikasi, industri pun akan dapat dibawa ke kawasan itu sekali gus dapat menyediakan peluang pekerjaan dan membantu merancakkan ekonomi penduduk," katanya selepas melancarkan Lebuhraya Pan Borneo Zon Timur, di Dataran Tamu di sini, semalam.

Pada 2015, Ismail Sabri pernah melancarkan agenda 'Membandarkan Luar Bandar' ketika memegang portfolio Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebagai antara langkah mentransformasi luar bandar dan memastikan pem-

angunan kawasan itu berada pada landasan betul.

Ia antara lain memberi tumpuan kepada enam fokus utama merangkumi prasarana, pembangunan belia, ekonomi, usahawanan, modal insan dan sistem penyampaian.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pembangunan seimbang dengan infrastruktur asas lengkap di kawasan luar bandar berupaya menarik lebih ramai pelabur dan menyediakan peluang pekerjaan seterusnya mewujudkan 'penghijarah berbalik' terutama dalam kalangan belia.

Ismail Sabri juga berkata, kerajaan Persekutuan akan terus komited memberi tumpuan membasmi kemiskinan bukan hanya di Sabah, tetapi juga di lima negeri lain iaitu Sarawak, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Kedah selaras Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Dalam RMK12, kerajaan Persekutuan menyasar untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025, katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin, berkata masalah infrastruktur membatikan jaringan jalan raya, bekalan elektrik serta air di Sabah perlu diselesaikan, sebelum Sabah dapat dibangunkan secara pesat.

Untuk itu, katanya, satu program jangka panjang diperlukan bagi mengurus pembangunan infrastruktur berkenaan.

"Ketika ini masih ada kawasan tiada jalan raya, bekalan air dan elektrik dan orang kampung sudah mula bangkit masalah mereka dan kementerian saya bertanggungjawab dalam hal ini," katanya.